**SOALAN NO : 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**
**[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk membuat satu kajian penyelidikan terhadap klinik-klinik desa untuk menaikkan taraf, menyediakan kelengkapan peralatan perubatan dan bilik-bilik rawatan yang khas bagi kegunaan pegawai-pegawai perubatan untuk merawat pesakit. Bilik perubatan dan rawatan harus diperbesarkan khususnya bagi setiap klinik desa kerana bilangan pesakit semakin bertambah dari hari ke hari.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau keperluan untuk menaik taraf klinik-klinik desa (KD) dari semasa ke semasa dan ianya dibuat secara berfasa bergantung kepada keperluan populasi setempat. Populasi di kawasan Padang Serai adalah seramai 77,000 penduduk meliputi tiga (3) klinik desa di bawah penyeliaan Klinik Kesihatan Padang Serai. Klinik Desa di sekitar Padang Serai mempunyai purata jarak di antara 6km hingga 9km dengan Klinik Kesihatan (KK) Padang Serai. Penduduk setempat boleh mendapat perkhidmatan di KK Padang Serai yang mempunyai seorang Pakar Perubatan Keluarga, 9 orang Pegawai Perubatan, 5 orang Penolong Pegawai Perubatan, 13 orang Jururawat Terlatih dan 10 Jururawat Masyarakat.

**SOALAN NO : 9**

Manakala di Klinik Desa pula, KKM menempatkan sejumlah 2 orang Jururawat Masyarakat yang bertugas memberi perkhidmatan ibu dan anak. Purata kedatangan KD Guar Lobak adalah 15 hingga 16 orang sehari, KD Sidam Kanan seramai 10 hingga 11 orang sehari dan KD Permatang Durian pula seramai 46 hingga 47 orang sehari yang merangkumi kes-kes antenatal, kanak-kanak, perancang keluarga dan pesakit luar.

Pembesaran bilik-bilik rawatan dan keperluan kepada peralatan perubatan adalah berdasarkan keperluan di klinik desa yang berkaitan. Pertambahan peralatan perubatan amat penting dalam mengimbangi pertambahan populasi, kedatangan pesakit ke klinik desa dan pertambahan perkhidmatan yang disediakan. Sehubungan dengan itu, KKM sentiasa prihatin terhadap keperluan untuk meningkatkan fasiliti di KK selari dengan hasrat KKM untuk memastikan rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan yang sempurna.

Sekian, terima kasih.